



KENYATAAN MEDIA

PERMOHONAN PENCEN ILAT PERLU PATUHI KEPUTUSAN JEMAAH DOKTOR DAN JEMAAH DOKTOR RAYUAN YANG DILANTIK OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PERKESO merujuk kepada laporan berita mengenai aduan Encik Mat Izam bin Mohd Kalam tentang permohonan Pencen Ilat beliau yang disiarkan dalam akhbar Harian Metro, Sinar Harian, Utusan Malaysia dan Kosmo.

PERKESO bersimpati dengan situasi yang dihadapi oleh Encik Mat Izam. Walau bagaimanapun, keputusan berkenaan permohonan Pencen Ilat bergantung kepada pertimbangan yang dibuat oleh Jemaah Doktor (JD) dan Jemaah Doktor Rayuan (JDR). Panel Jemaah Doktor dan Jemaah Doktor Rayuan adalah pakar-pakar perubatan yang ditentukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, dan tidak mempunyai kaitan serta di luar bidang kuasa PERKESO.

Untuk makluman, Encik Mat Izam telah membuat permohonan untuk Pencen Ilat pada bulan Oktober 2020 dan pada bulan Mei tahun berikutnya, Jemaah Doktor di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban telah mengesahkan bahawa keadaan kesihatan beliau pada ketika itu tidak ilat, seterusnya tidak melayakkan beliau menerima Pencen Ilat PERKESO.

Encik Mat Izam seterusnya membuat rayuan pada Ogos 2021 dan permohonan rayuan beliau tidak diluluskan oleh Jemaah Doktor Rayuan yang bersidang sebanyak dua kali apabila didapati keputusan Penilaian Kehidupan Sehari-hari atau *Assessment Daily Living* (ADL) dan kadar Kemerosotan Keseluruhan atau *Whole Person Impairment* (WPI) menunjukkan beliau tidak ilat.

PERKESO ingin menegaskan bahawa keputusan terhadap permohonan pencen ilat adalah dikawal oleh peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971. Pihak kami perlu mematuhi ketetapan sedia ada dan tidak boleh membuat pembayaran faedah tanpa mematuhi keputusan JD dan JDR yang berasaskan penilaian pakar-pakar perubatan yang dilantik.

Sementara itu, isteri Encik Mat Izam iaitu Puan Heryati binti Tayalis yang mengalami kemalangan di rumah hingga menyebabkan beliau lumpuh, juga telah memohon Pencen Ilat pada tahun 2020. Isteri beliau didapati layak untuk Bantuan Ilat serta layak menerima kerusi roda dan lampin pakai buang.

Setelah berita mengenai permohonan Pencen Ilat oleh Encik Mat Izam disiarkan dalam akhbar, wakil PERKESO Negeri Sembilan telah mengunjungi beliau di kediamannya untuk menziarahinya serta memberi penerangan mengenai keputusan JDR. Turut diperjelaskan adalah mengapa permohonan rayuan beliau ditolak. Kami ingin memaklumkan bahawa Encik Mat Izam telah menerima dan memahami penjelasan kami.

PERKESO sentiasa prihatin terhadap kes seperti ini justeru, turut berusaha untuk membantu pencarum mendapatkan bantuan lain selain bantuan daripada PERKESO. Encik Mat Izam telah bersetuju menyertai Program Sinergi Sosial kendalian PERKESO di mana kes beliau akan dirujuk kepada Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. PERKESO juga telah membekalkan beliau dengan Kotak Prihatin yang mengandungi bahan keperluan dapur seperti teh, Milo, susu dan barang kering yang lain.

Pihak PERKESO kini sedang menguruskan khidmat pakar terapi fisio (physiotherapist) bagi beliau dan isteri. Pihak kami juga membantu Encik Mat Izam membuat permohonan semula bagi Pencen Ilat.

Kami difahamkan Encik Mat Izam ada menerima bantuan Baitulmal di bawah kategori Asnaf sebanyak RM300 sebulan mulai Februari 2023 sehingga Disember 2024. Isteri beliau pula telah diluluskan untuk mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM300 sebulan di bawah kategori OKU Tidak Berupaya Bekerja, bermula Mac 2023 hingga Februari 2024.

PERKESO akan terus memantau keadaan Encik Mat Izam dan isterinya, selain menawarkan bantuan khidmat yang sewajarnya untuk mereka.

Izad Hj Raya
Ketua Pegawai Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

24 Februari 2023

(Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Hamisah Hamid di talian + 6019 – 3833 605.)